



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

KOLABORASI MALAYSIA - SINGAPURA DALAM SEKTOR PEMBINAAN DAN INFRASTRUKTUR SEMPENA WCS 2024

SINGAPURA: Penghormatan yang diberi kepada saya untuk mengetuai delegasi Malaysia di Sidang Kemuncak Bandar Dunia (WCS) dan Forum Infrastruktur Asia 2024 (AIF), telah digunakan sebaiknya apabila Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) dan Kementerian Pembangunan Negara Singapura telah mengadakan perbincangan melalui mesyuarat dua hala yang diketuai oleh saya dan Menteri Pembangunan Negara Singapura (MND), Tuan Desmond Lee di republik itu semalam.

Pertemuan ini sangat membuahkan hasil kerana telah membuka peluang dan merangsang usaha untuk mewujudkan kerjasama yang berpotensi terutamanya dalam perkembangan infrastruktur dan pembinaan antara Malaysia dan Singapura. Ia juga sebagai pelengkap kepada hasil kunjungan hormat oleh Menteri, Desmond Lee ke pejabat saya pada Oktober tahun lepas.

Salah satu perbincangan yang diketengahkan ialah Sistem Penyerahan Produktiviti Elektronik (ePSS) di bawah bidang kuasa Penguasa Bangunan dan Binaan (BCA), Kementerian Pembangunan Negara Singapura. Dalam hal ini, BCA telah bersetuju untuk bekerjasama dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dari segi perkongsian pengetahuan dan kepakaran mengenai penggunaan ePSS bagi membolehkan CIDB mengukur produktiviti pekerja.

Kedua-dua pihak turut menyatakan sokongan untuk inisiatif seperti Minggu Pembinaan Antarabangsa 2024 (ICW 2024) oleh CIDB, menandakan trajektori dalam menjanjikan kerjasama pada masa hadapan. Ini termasuklah ke arah perkongsian yang lebih kukuh, memudah cara pemindahan teknologi dan meningkatkan kualiti mutu kerja pembinaan.

Mesyuarat dua hala selama 40 minit itu turut memberi tumpuan kepada pelan pelebaran Lebuhraya PLUS antara Senai Utara ke Sedenak di Johor. Pelebaran daripada empat kepada enam lorong ini dijangka menjadikan perjalanan dari Singapura ke Johor lebih selesa dan mudah seterusnya memberi impak positif kepada sektor ekonomi dan logistik kedua - dua negara.

Saya berharap, pandangan, hala tuju dan kemajuan berharga yang kami perolehi daripada penglibatan yang bermanfaat ini akan menyemarakkan lagi usaha seterusnya membuka jalan kepada dialog, kerjasama dan kerjasama yang penting pada masa hadapan.

#Tamat#

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA
5 JUN 2024